

## **PERANAN BIRO WANITA DAN SAYAP PEMUDA DALAM POLITIK PILIHAN RAYA SEMASA PILIHAN RAYA NEGERI SARAWAK 2021 DI TAMIN DAN MELUAN**

### ***THE ROLES OF THE WOMEN'S BUREAU AND YOUTH WING IN ELECTORAL POLITICS DURING THE 2021 SARAWAK STATE ELECTIONS IN TAMIN AND MELUAN***

**Lucy Sebli-Seidelson\*, Awang Mashabi Awang Mohamad and Haslina Hashim**

Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak, Malaysia

\*Corresponding author: slucy@unimas.my

**Published online:** 12 March 2024

**To cite this article:** Lucy Sebli-Seidelson, Awang Mashabi Awang Mohamad and Haslina Hashim. 2024. Peranan biro wanita dan sayap pemuda dalam politik pilihan raya semasa Pilihan Raya Negeri Sarawak 2021 di Tamin dan Meluan. *Kajian Malaysia* 42(Supp.1): 161–189. <https://doi.org/10.21315/km2024.42.s1.9>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.21315/km2024.42.s1.9>

### **ABSTRACT**

*This article examines the electoral politics of the 2021 Sarawak State Election (SSE21), focusing on the Women's Bureau and Youth Wing of Parti Rakyat Sarawak (PRS) and the Progressive Democratic Party (PDP). Using the framework of clientelism, the study investigates the interdependent relationships between the women's bureau, youth wing and candidates. From the outset, it is evident that the provision of rewards and services by candidates both before and after the election played a significant role in consolidating the support of the women's bureau and youth wing members, particularly towards the incumbent candidates. The research was conducted through observations and in-depth interviews with candidates, PRS and PDP representatives, women's bureau and youth wing members, youth leaders, and community leaders, including tuai rumah and penghulu, in the State Legislative Assembly (SLA) of Meluan and Tamin.*

**Keywords:** Women's bureau, youth wing, clientelism, Tamin, Meluan, 2021 Sarawak State Election

## ABSTRAK

*Makalah ini memfokuskan kepada peranan yang dimainkan oleh Biro Wanita dan Sayap Pemuda Parti Rakyat Sarawak (PRS) dan Progressive Democratic Party (PDP) dalam politik pilihan raya semasa Pilihan Raya Negeri Sarawak 2021 (PRNS 2021) dengan menggunakan pendekatan konsep klientelisme. Makalah ini meneroka hubungan simbiotik antara biro wanita dan sayap pemuda kedua-dua parti dengan calon-calon yang bertanding. Kajian menunjukkan bahawa ganjaran dan perkhidmatan serta tawaran yang telah dijanjikan oleh calon-calon semasa atau selepas berkempen memainkan peranan dalam menguatkan sokongan ahli biro wanita dan sayap pemuda kepada calon penyandang. Makalah ini berdasarkan penelitian yang dilakukan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Tamin dan Meluan. Pemerhatian serta temu bual mendalam dengan calon yang bertanding dan informan kedua-dua parti termasuklah ahli-ahli biro wanita, ketua pemuda, serta ketua-ketua masyarakat, penghulu dan tuai rumah.*

**Kata kunci:** Biro wanita, sayap pemuda, klientelisme, Tamin, Meluan, Pilihan Raya Negeri Sarawak 2021

## PENGENALAN

Penglibatan wanita dalam politik semakin meningkat, sama ada di peringkat pusat, negeri atau di peringkat akar umbi. Di Sarawak, penglibatan wanita dalam politik semakin bertambah khasnya mereka yang bertanding di atas tiket parti pembangkang iaitu sebanyak 45 orang<sup>1</sup> atau 12.9% daripada keseluruhan 349 calon. Sementara di peringkat Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) yang lalu, seramai 10 calon wanita<sup>2</sup> menawarkan diri untuk menjadi ahli parlimen. Di sebalik peningkatan ini, keterlibatan golongan wanita dalam aktiviti politik kebanyakannya terhad kepada aktiviti berkempen dan mengundi melalui sayap wanita di peringkat akar umbi.

Kajian empirikal tentang penglibatan wanita di dalam politik cenderung kepada peranan mereka yang terhad dalam pembuatan keputusan di peringkat tertinggi, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh wanita sebagai pemimpin politik dan isu-isu yang menghambat wanita untuk terlibat secara aktif dalam politik (lihat Mahfudzah 1999; Wan Azizah 2002; Nadrawina 2015; Piya 2020; Shadiya et al. 2022; Okpe, Muhamad Fuad dan Nazariah 2021; Rosyidah, Ummu Atiyah dan Nazli 2021). Ciri-ciri penglibatan wanita di dalam politik telah diteliti oleh Maznah (2018) secara komprehensif melalui penerokaan pengalaman wanita di bawah pemerintahan dominan Barisan Nasional (BN) sebelum kekalahan parti

tersebut pada tahun 2018. Maznah (2018) menekankan faktor struktur parti politik sebagai kekangan yang menghalang kemajuan wanita dalam kepimpinan sama ada dalam atau luar parti.

Menerusi pengalaman di Sarawak, walaupun terdapat beberapa penambahbaikan, namun golongan wanita masih kurang diwakili di kebanyakan peringkat pembuatan dan pelaksanaan dasar (Nadrawina dan Sebli-Seidelson 2017; Nadrawina 2015). Untuk membolehkan wanita menyertai politik dan dipilih ke parlimen atau jawatan perundangan negeri, keterlibatan golongan ini perlu diiktiraf oleh kepimpinan parti politik dan semasa pemilihan untuk mewakili parti. Keterlibatan golongan wanita juga bermakna rangkaian dan hubungan penaung-dinaungi semakin rencam. Di samping itu, golongan wanita memainkan peranan penting dalam konteks politik pemilihan calon pilihan raya sama ada daripada parti pemerintah atau pembangkang. Hal ini jelas dilihat dalam Pilihan Raya Negeri Sarawak 2021 (PRNS 2021) yang lalu, di mana calon wanita daripada parti kerajaan telah dipilih sendiri oleh kepimpinan parti. Jurang antara jantina dalam perwakilan politik masih ketara namun dari sudut positifnya terdapat peningkatan keterlibatan semasa calon wanita dalam pertandingan untuk jawatan politik di Sarawak.

Kedudukan sayap wanita yang dilihat rendah di dalam parti menyebabkan keutamaan kurang diberikan kepada wanita untuk mewakili parti semasa pilihan raya. Sering kali wanita yang tercalon atau terpilih akan terikat kepada pihak lelaki yang bertindak sebagai penaung dalam parti (Nadrawina 2015). Misalnya, dalam Parti Rakyat Sarawak (PRS), kedudukan sayap wanita terletak di bawah sayap pemuda selepas majlis tertinggi parti. Ahli-ahli sayap wanita lazimnya terdiri daripada ketua wanita di peringkat cawangan. Selaras dengan peredaran masa yang menuntut lebih ramai wanita terlibat di dalam politik, peranan ini turut dimainkan oleh biro wanita. Kumpulan ini menjadi jentera pilihan raya khasnya di peringkat akar umbi di rumah panjang. Dengan kedudukan wanita yang lebih *inferior* di dalam parti, makalah ini akan membincangkan peranan penting biro wanita dalam membantu sayap pemuda.

Makalah ini berfokus kepada peranan yang dimainkan oleh Biro Wanita dan Sayap Pemuda PRS dan Progressive Democratic Party (PDP) semasa kempen PRNS 2021 di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Tamin dan Meluan di Sarawak dengan menggunakan kerangka patron-klientelisme yang dipelopori oleh Scheiner (2005) dan Theobald (1999). Fokus ini adalah sesuai dengan konteks kajian yang bercirikan kawasan luar bandar dan di peringkat akar umbi.

## KONSEP KLIENTELISME POLITIK

Hubungan penaung-dinaungi ialah hubungan antara dua pihak yang memiliki perbezaan status sosial dan ekonomi. Dalam hubungan ini, pihak yang memiliki kedudukan sosioekonomi yang lebih tinggi (penaung) menggunakan pengaruh dan sumber dayanya untuk memberi manfaat kepada yang dinaungi (Scott 1972). Untuk memastikan kelangsungan hubungan ini, yang dinaungi harus terus menunjukkan nilai dan kesetiaan mereka kepada penaung mereka. Ini termasuk bukan sahaja memenuhi keperluan peribadi penaung, tetapi juga menyokong mereka dalam mencapai objektif politik dan dasar yang kritikal. Dari sudut politik, naungan politik digunakan sebagai ganjaran untuk mendorong pengundi menyokong parti politik. Kepimpinan politik dalam demokrasi naungan jelas terikat kepada masyarakat melalui pengagihan sumber material melalui orang tengah atau broker. Untuk menjadi pengantara antara negara dan rakyat, parti naungan bergantung pada rangkaian broker ini (Johnston 2018).

Reaksi timbal balik dalam hubungan antara patron atau penaung<sup>3</sup> dan klien atau yang dinaungi mewakili ciri khas penaungan dalam analisis antropologi. Walaupun terdapat ketidaksetaraan yang jelas antara penaung dengan yang dinaungi, keduanya saling memerlukan. Penaung menggunakan imbalan material dan keselamatan sebagai ganjaran untuk klien, sementara klien diharapkan membalas budi dengan kesetiaan kepada penaung (Bearfield 2009, 67). Sifat saling bergantung dalam hubungan menyebabkan kedua-dua belah pihak membentuk ikatan yang kuat dalam hubungan mereka. Walaupun hubungan ini pada dasarnya berdasarkan hubungan timbal balik, manfaat antara penaung dengan klien tidak seimbang dan berpotensi mempertahankan hubungan yang asimetri. Penaung dapat menikmati status yang lebih unggul secara berlanjutan sementara status klien tetap kekal rendah.

Konsep klientelisme pula melibatkan pengagihan sumber daripada ahli politik kepada pengundi sebagai pertukaran untuk sokongan politik. Konsep klientelisme politik yang pada asalnya ditakrifkan sebagai hubungan asimetri antara dua pihak yang melibatkan pertukaran barang atau perkhidmatan secara timbal balik; dan dalam hubungan tersebut, pengaruh dan kuasa kedua-dua pihak adalah tidak sama rata (Powell 1970; Scott 1972; Kaufman 1974; Graziano 1973; Landé 1977). Scott telah menggambarkan patron sebagai seseorang yang “bertindak dengan sumber daya yang dimiliki atau dikendalikan secara langsung oleh dirinya sendiri dan yang memiliki kedudukan yang lebih tinggi daripada kliennya” (1977, 126–127; lihat juga Scott 1972, 92). Dalam konteks hubungan antara penaung dengan yang dinaungi, sifat hubungan adalah berbentuk *dyadic* yang mana individu yang mempunyai kedudukan ekonomi yang lebih tinggi akan menggunakan pengaruh dan sumber daya yang ada untuk memberi perlindungan dan keuntungan kepada klien yang statusnya lebih rendah. Hal ini sangat jelas dalam konteks politik

Sarawak di mana hubungan *dyadic* biasanya melibatkan ahli politik atau pengusaha kaya dengan “ahli politik miskin” (terutama dalam kes kaum Iban), birokrat, dan sebagainya, dan mereka bersatu berdasarkan tujuan instrumental yang sama.

Klientelisme turut merujuk kepada kewujudan pertalian antara seorang patron dengan klien yang membentuk jaringan yang saling berkait, bersifat hierarki, bersifat bersemuka, hubungan timbal balik yang melangkaui batasan politik dan pilihan raya (Dettman dan Weiss 2018, 3), dan melibatkan pertukaran faedah antara kerajaan, parti, atau ahli politik dalam meraih sokongan pengundi atau organisasi (Scheiner 2005, 66). Dalam konteks pilihan raya, klientelisme sinonim dengan pembelian undi; calon menawarkan wang kepada pengundi, makanan, atau pekerjaan jika mereka membuang undi mereka dengan cara tertentu (Kuo 2018, 13). Menurut Lawson dan Greene (2014, 61), klientelisme melibatkan pengikut yang dikenali sebagai klien, pemimpin sebagai penaung, dan perantara sebagai broker. Misalnya, menerusi kajian yang melihat hubungan di antara pengundi, parti politik dan ahli politik, Dettman dan Weiss (2018) menyifatkan bahawa walaupun terdapat perubahan kepada bagaimana klientelisme berlaku, perubahan tersebut tidaklah begitu ketara dan menegaskan bahawa politik penaungan (*political patronage*) masih relevan di Malaysia.

Walaupun definisi kontempori klientelisme politik tidak banyak berubah dan masih mengekalkan teras utama definisi asal, ia banyak menekankan sifat pilihan raya dan strategi transaksi politik (Stokes 2005; Kitschelt dan Wilkinson 2007; Piattoni 2001; Schaffer 2007; Stokes et al. 2013). Berdasarkan definisi ini, sokongan pilihan raya merupakan “mata wang” yang digunakan oleh pelanggan untuk membayar balik pelbagai jenis nikmat dan faedah yang ditawarkan oleh ahli politik. Oleh itu, klientelisme dan politik penaungan muncul sebagai dua istilah yang saling melengkapi dari segi ideologi dan praktikal. Makalah ini mengadaptasikan konsep klientelisme yang dipelopori oleh Scheiner (2005) dan Theobald (1999) khasnya dalam konteks penaungan di pinggiran (*peripheral patronage*) kerana ia mirip dengan situasi di Sarawak, khasnya di kawasan luar bandar.

Konsep klientelisme yang dipelopori oleh Scheiner (2005) merujuk kepada:

*The exchange of benefits (by the government, parties, and/or politicians) for voter or organization support. Clientelist benefits are those awarded to people who support a specific party or candidate and withheld from those who do not. Under clientelism, politicians create direct bonds, usually through material side payments (usually by providing funding), a pattern that can easily become institutionalized for the long term. For this reason, clientelist parties must make an investment in organization and constantly need to provide funding or goods to valued constituencies.*  
(p. 65–66)

Theobald (1999) pula membahagikan penaungan kepada dua bentuk iaitu penaungan di pinggiran dan penaungan di pusat. Penaungan di pinggiran berlaku apabila wujudnya hubungan bersifat tradisional seperti penaungan dan yang dinaungi di antara mereka yang berstatus tinggi dan mereka yang berstatus rendah. Menurut Theobald (1999), hubungan sedemikian bersifat “akrab berat sebelah” (*lopsided friendship*). Hubungan penaung dan yang dinaungi ini mirip dengan definisi penaung dan yang dinaungi yang dipelopori oleh Scott (1972) dan Landé (1977). Sementara penaungan di pusat pula berlaku apabila wujudnya pertukaran layanan untuk mendapatkan sokongan politik seperti pekerjaan, kontrak, kenalan, maklumat berguna, perlindungan dari undang-undang dan bentuk sokongan lain. Ahli politik menukar layanan ini untuk sokongan material dan bentuk sokongan lain seperti sumbangan kepada dana kampen, penggunaan harta atau kenderaan, bank undi, dan artikel yang menguntungkan di dalam akhbar (Theobald 1999, 495).

## **METODOLOGI**

Makalah ini terhasil daripada dapatan kualitatif penyelidik semasa melakukan penelitian di lapangan (di Tamin dan Meluan) semasa PRNS 2021. Temu bual mendalam dan pemerhatian merupakan dua kaedah utama pengutipan data. Temu bual bersemuka telah dilakukan dengan calon yang bertanding daripada PRS dan PDP, ketua sayap pemuda dan ketua biro wanita daripada kedua-dua DUN Tamin dan Meluan. Temu bual turut dijalankan bersama pegawai daerah, penghulu serta tuai rumah yang juga merupakan Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Selain temu bual dengan peserta kajian, perbincangan dengan informan yang mempunyai pengetahuan tentang hubungan serta interaksi di antara golongan berkepentingan seperti calon bertanding, biro wanita dan sayap pemuda turut dilakukan. Maklum balas daripada informan memberi gambaran yang terperinci kepada penyelidik tentang ciri-ciri hubungan penaung-dinaungi yang berlaku di Tamin dan Meluan.

Bagi mendapatkan kefahaman yang menyeluruh tentang konteks hubungan penaung-dinaungi di Tamin dan Meluan, pemerhatian telah dilakukan sebelum dan semasa kempen pilihan raya dijalankan. Antara lain, pemerhatian dilakukan ke atas strategi kampen, aktiviti semasa berkempen dan interaksi antara calon dengan biro wanita, sayap pemuda, serta pegawai daerah dan ketua masyarakat. Selain itu, pengkaji turut menghadiri majlis-majlis yang diadakan semasa kempen pilihan raya kerana di sivilah pertukaran manfaat berlaku antara penaung dengan dinaungi. Analisis data kualitatif dilakukan secara bertema berdasarkan ciri-ciri hubungan penaung-dinaungi yang diketengahkan oleh Scheiner (2005) dan Theobald (1999).

## **KLIENTELISME DALAM KONTEKS POLITIK SARAWAK**

Di Sarawak, salah satu daripada cara untuk mengekalkan kuasa politik ialah dengan memberikan penaungan (Sebli-Seidelson 2008; Mersat 2008; 2009). Begitu juga jika seseorang itu ingin terlibat dalam politik, beliau perlu menjadi klien kepada seorang penaung politik yang berwibawa dan mempunyai sumber yang banyak sama ada dari aspek kewangan mahu pun kuasa. Penaungan dalam aspek ini bermakna memberikan pertolongan dan layanan kepada penyokong-penyokong atau klien dan sekutu dengan mengharapkan sokongan politik mereka. Begitu juga yang dinaungi, jika mereka ingin terlibat dalam politik, mereka harus mempunyai penaung yang mempunyai akses kepada sumber-sumber atau kuasa yang membolehkan mereka menjadi calon pilihan raya atau memperoleh kedudukan penting dalam parti dan kerajaan. Pertolongan ini datang dalam bentuk pelantikan ke jawatan tertentu seperti tuai rumah, penghulu, kaunselor, pemberian tender, kontrak, tanah milik kerajaan, konsesi balak, projek-projek pembangunan lain dengan harapan mereka yang dinaungi itu memberikan balasan dalam bentuk sokongan politik.

Klientelisme juga merujuk kepada akauntabiliti demokratik yang sangat khusus, di mana ahli politik merayu kepada pengundi berdasarkan manfaat material yang akan mereka perolehi sebagai pertukaran untuk sokongan politik berterusan. Keadaan ini menggambarkan struktur penaung-dinaungi dalam politik Sarawak khasnya penaungan di pusat yang digambarkan oleh Roff (1974), Theobald (1999), Mersat (2008; 2009), Awang Azman dan Suffian (2018) di mana pemimpin daripada pelbagai kumpulan etnik seperti Iban, Melayu, Orang Ulu, Bidayuh dan Cina yang merupakan klien kepada pemimpin khususnya pemimpin Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) atau ketua parti komponen utama Gabungan Parti Sarawak (GPS) di peringkat negeri. Misalnya, dalam konteks GPS, parti politik yang paling dominan seperti PBB merupakan penaung utama kepada parti-parti komponen GPS yang lain seperti Sarawak United People's Party (SUPP), PDP dan PRS yang merupakan klien. Pada masa yang sama terdapat segelintir daripada ahli-ahli parti komponen menjadi klien secara langsung kepada wakil rakyat daripada parti PBB. Di dalam konteks politik Sarawak, parti politik memainkan peranan sebagai penaung utama berbanding individu, khasnya parti-parti politik kerajaan yang terletak di kawasan luar bandar. Hal ini kerana hanya parti sahaja yang mempunyai akses kepada sumber daya serta perkhidmatan yang diperlukan oleh pihak yang dinaungi. Sebagai contoh di Tamin dan Meluan, kedua-dua calon berjaya memenangi pilihan raya negeri yang lepas disebabkan peranan parti yang diwakili walaupun mereka tidak mendapat sokongan daripada calon-calon parti yang terdahulu.

Di Sarawak, penaung bergantung lebih banyak kepada kekuatan organisasi lokal, hubungan peribadi dengan pengikut, serta akses kepada jabatan atau jawatan sebagai tunjang kepimpinan, berbanding menekankan status turun temurun atau pemilikan tanah. Perkara ini sering berlaku dalam kes komuniti Iban. Mereka tidak memiliki struktur kepimpinan berpusat atau institusi turun temurun, atau mekanisme sosial yang dapat digunakan oleh individu untuk kemajuan sosial dan ekonomi komuniti tersebut. Maka struktur penaung-dinaungi adalah penting bagi individu atau sekelompok individu dalam mengejar kepentingan peribadi. Definisi ini mirip hubungan penaung-dinaungi antara pengundi Iban luar bandar dengan calon yang bertanding. Selain itu, hubungan mereka juga berbentuk akrab berat sebelah dan penaungan di pinggiran kerana perbezaan status.

## **LATAR BELAKANG TAMIN DAN MELUAN**

Latar belakang calon penyandang dan isu penduduk di kawasan Tamin dan Meluan turut dibincangkan dalam makalah ini. Biro Wanita dan Sayap Pemuda PRS dan PDP memainkan peranan yang amat penting semasa kempen pilihan raya dalam membantu calon yang bertanding khasnya calon penyandang untuk meraih undi di peringkat akar umbi terutamanya di rumah panjang. Kekangan jaluran internet, jarak serta jaringan jalan raya yang kurang memuaskan menjadikan peranan Biro Wanita dan Sayap Pemuda PRS dan PDP di Tamin dan Meluan sangat penting. Ketidakaktifan sayap wanita di Tamin dan Meluan di peringkat rumah panjang turut menjadikan peranan biro wanita sangat penting. Pada masa yang sama, PRNS 2021 ini merupakan pilihan raya yang kedua bagi kedua-dua calon penyandang iaitu Christopher Gira di Tamin dan Rolland Duat Jubin di Meluan.

### **Meluan**

Meluan ialah satu kerusi DUN Sarawak yang mula dipertandingkan sejak tahun 1969. Meluan diwujudkan pada tahun 1968 dan mempunyai keluasan 2,206 kilometer persegi. Sejak tahun 2006, terdapat tujuh buah daerah mengundi yang terletak di Meluan iaitu Balut, Julau, Rayah, Meluan, Engkamup, Entabai dan Beketan. Meluan terletak dalam kawasan Parlimen Julau dan mempunyai seramai 14,765 pengundi berdaftar setakat 2 November 2021. Majoriti pengundi di Meluan ialah kaum Iban.

Terdapat dua kerusi DUN di bawah Parlimen Julau iaitu Pakan dan Meluan. Menariknya, dua kerusi ini diberikan secara khusus kepada PDP walaupun parti tersebut tewas di dua kawasan parlimen semasa Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) iaitu di Mas Gading dan Saratok. Selepas PRU14, PDP hanya mempunyai

dua wakil di parliment iaitu Bintulu yang diwakili oleh presiden parti Tiong King Sing dan Baram yang diwakili oleh Anyi Ngau. Di peringkat DUN pula, PDP mempunyai tiga buah kerusi yang diwakili oleh Henry Jinep (Tasik Biru), Rolland Duat (Meluan) dan Penguang Manggil (Marudi).

PDP yang sebelum ini dikenali dengan nama Sarawak Progressive Democratic Party (SPDP) telah ditubuhkan pada 9 November 2002, merupakan parti serpihan daripada Sarawak National Party (SNAP) yang berpecah akibat perbalahan pucuk pimpinan dalam parti. Perpecahan tersebut telah melahirkan SPDP yang dipimpin oleh William Mawan sebagai presiden atas nasihat Ketua Menteri Sarawak ketika itu. Krisis perpecahan SNAP ini telah menyebabkan parti tersebut dibubarkan pada 5 November 2002 oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS). Empat hari selepas pembatalan SNAP, SPDP menyertai BN Sarawak. PDP kini diterajui oleh presiden baharu yang juga merupakan bekas bendahari SNAP dan Ahli Parlimen Bintulu, Tiong King Sing. Perbalahan dalam SPDP kemudiannya menyebabkan William Mawan dan penyokong-penyokong beliau keluar parti dan menubuhkan sebuah parti baharu yang dinamakan Parti Tenaga Rakyat Sarawak (TERAS) pada tahun 2014. Namun, pada tahun 2016, TERAS telah dibubarkan dan William Mawan bersama-sama dengan penyokong tegar beliau telah mengemukakan permohonan untuk menyertai PBB. Ekoran itu, kerusi Pakan telah diagihkan kepada PBB dalam PRNS 2021 yang diwakili oleh William Mawan.

Semasa Pilihan Raya Negeri Sarawak 2016 (PRNS 2016), Meluan yang dimiliki oleh PDP telah dimenangi oleh Rolland Duat dalam pertandingan empat penjuru. Dalam pilihan raya tersebut, Rolland Duat telah mendapat 3,324 undi, Elly Lawai Ngalai (Bebas) mendapat 2,686 undi, Semana Sawang (Parti Keadilan Rakyat, PKR) mendapat 2,008 undi sementara Remiguis Joel@Jerry Clement (Bebas) mendapat 934 undi. Calon PDP Rolland Duat hanya berjaya menang dengan majoriti 677 undi. Walaupun Rolland Duat berjaya memenangi semula kerusi Meluan pada PRNS 2021, kemenangan yang diraih masih lagi rendah iaitu sebanyak 822 undi sahaja.

Kawasan Meluan membangun dengan pesat semenjak Rolland Duat menjadi wakil rakyat di situ pada tahun 2016. Namun demikian, terdapat beberapa isu yang dibangkitkan oleh penyokong tegar bekas penyandang kerusi Meluan sebelum ini iaitu Wong Judat dan parti pembangkang yang lain seperti PKR dan Parti Sarawak Bersatu (PSB). Antaranya ialah terdapat sebilangan penduduk di sebuah rumah panjang dalam daerah Engkamup yang masih tidak berpuas hati walaupun Rolland Duat telah memperuntukkan sejumlah RM100,000 dalam projek penyediaan tapak baharu rumah panjang di samping pembinaan sebuah jambatan besi yang menghubungkan rumah panjang tersebut dengan jalan raya utama. Terdapat juga

segelintir penyokong pembangkang yang menuduh Rolland sebagai pilih kasih kerana hanya memberikan bantuan projek pembangunan jalan raya dan pembinaan rumah panjang kepada penduduk tertentu. Perkara ini dinafikan oleh Rolland bahawa pengagihan projek dan dana peruntukan haruslah mengikut prosedur yang betul dan perlu difahami oleh tuai rumah (Rolland Duat, temu bual, 14 Disember 2021).

### **Tamin**

Kerusi di Tamin diwujudkan pada tahun 1987 dan mula dipertandingkan pada tahun 1991. Tamin merupakan kawasan luar bandar iaitu majoriti penduduknya ialah kaum Iban. Tamin mempunyai lima daerah mengundi termasuk Siong, Sekuau, Tamin, Selangau dan Lemai di Balingian. Ia juga mempunyai kawasan seluas 3,492 kilometer persegi dan terletak di bawah kawasan Parlimen Selangau. Selain Tamin, DUN Kakus yang diwakili oleh John Sikie Tayai semenjak 1991 juga turut terletak dalam kawasan Parlimen Selangau. Kerusi Kakus mula dipertandingkan pada tahun 1991 apabila persempadanan semula dilakukan. Kedua-dua calon PRS bagi kerusi Tamin dan Kakus berjaya mempertahankan kerusi PRS dengan undi majoriti yang agak tinggi iaitu John Sikie Tayai telah berjaya meraih sebanyak 5,211 undi majoriti sementara Christopher Gira berjaya mendapat undi majoriti sebanyak 2,085.

PRS merupakan sebuah parti politik yang ditubuhkan secara rasminya pada 21 Oktober 2004. Parti ini ditubuhkan selepas krisis kepimpinan dalam Parti Bansia Dayak Sarawak (PBDS) yang menyebabkan ia telah dibatalkan oleh ROS secara rasmi pada 21 Oktober 2004. PRS telah dipimpin oleh James Masing sejak penubuhannya sehinggalah beliau meninggal dunia pada 2021 iaitu beberapa bulan sebelum PRNS 2021. PRNS 2021 merupakan pilihan raya yang kedua bagi penyandang kerusi Tamin iaitu Christopher Gira yang telah memenangi kerusi tersebut dengan meraih undi sebanyak 2,085 pada tahun 2016. Tamin juga mempunyai 16,681 orang pengundi. PRNS 2021 agak menarik di Tamin kerana calon penyandang iaitu Christopher Gira berhadapan dengan calon pembangkang dari PSB yang diwakili oleh Joseph Entulu Belaun, ahli politik veteran yang juga merupakan bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tamin dari tahun 1991 hingga 2006 dan Ahli Parlimen Selangau selama tiga penggal sehingga 2018.

Pendekatan kempen dan peranan yang dimainkan oleh pemimpin akar umbi merupakan salah satu faktor yang telah menyumbang kepada kemenangan besar Christopher Gira di Tamin walaupun beliau telah dicabar oleh calon PSB yang lebih berpengalaman. Situasi ini menunjukkan bahawa walaupun Joseph Entulu mempunyai pengalaman dan ramai pengikut setia, kekangan jentera pilihan

raya serta ketiadaan sokongan sayap pemuda semasa berkempen menyebabkan beliau gagal merampas Tamin daripada PRS. Selain itu, pendekatan kempen yang digunakan oleh calon PSB turut menyumbang kepada kekalahan walaupun menggunakan media sosial untuk menyampaikan manifesto parti tersebut; di samping calon pembangkang juga tidak mempunyai jawatan penting dalam kerajaan dan tiada akses kepada sumber daya yang boleh menarik pengundi untuk memilih beliau.

Tamin telah menyaksikan pembangunan yang begitu ketara dari tahun 2016 sehingga 2021 iaitu sejumlah RM86 juta telah dibelanjakan untuk membangunkan projek-projek rakyat seperti menaik taraf Jalan Pasai Siong Hilir, membina Pejabat Daerah Selangau, membina Kompleks Sukan Selangau, melaksanakan kerja-kerja landskap di sekitar bandar Selangau, menyediakan bekalan elektrik luar bandar (BELB), menaik taraf Jalan Bawang Kemenet, menaik taraf Dewan Sekolah Kebangsaan Tong Ah, dan juga menaik taraf Pejabat Pertanian Stapang. Jumlah ini tidak termasuk Projek Kecil Luar Bandar atau Minor Rural Project (MRP) dan Projek Transformasi Luar Bandar atau Rural Transformation Project (RTP) yang masing-masing berjumlah RM11.5 juta dan RM30 juta.

Selain daripada projek pembangunan perkhidmatan kesihatan, kewangan serta perkhidmatan pos, projek pembangunan lain yang akan dibina ialah memperkasakan jaluran internet dan memperbanyak jumlah menara telekomunikasi, membangunkan kawasan pelancongan, memperkasakan sektor perladangan, pertanian dan penternakan moden, membangunkan industri kecil dan sederhana, bekalan elektrik 24 jam kepada semua rumah panjang di Tamin, membina sekolah vokasional, membina Sekolah Menengah Selangau, membina jalan dan jambatan di kawasan pedalaman, dan pembangunan secara menyeluruh yang melibatkan pekan Selangau, Sekuau dan Stapang. Pengumuman projek-projek pembangunan ini serba sedikit telah membuat hasil apabila Christopher Gira menang dengan majoriti yang agak besar meskipun menerima sengit daripada calon pembangkang yang dilihat lebih berpengalaman. Walaupun terdapat beberapa isu yang diutarakan, ia tidak begitu mendatangkan impak yang signifikan kerana kemenangan besar yang diperoleh oleh Christopher Gira semakin meningkat daripada 6,230 undi kepada 7,778 undi iaitu peningkatan sebanyak 1,548 undi.

Sebelum membincangkan dengan lebih lanjut tentang peranan biro wanita dan sayap pemuda, peranan yang dimainkan oleh JK<sup>4</sup> juga tidak kurang pentingnya kerana biro wanita terletak di bawah bidang kuasa JK<sup>KKK</sup>, iaitu pelantikan penggerusi JK<sup>KKK</sup> berkait rapat dengan politik penaungan. Hanya mereka yang setia dan mempunyai hubungan yang baik dengan wakil rakyat di kawasan tersebut sahaja yang berpeluang untuk dilantik sebagai penggerusi. Kebiasaannya,

pengerusi JKKK di peringkat rumah panjang ialah tuai rumah. Jika tuai rumah tidak menyokong calon yang bertanding atau wakil rakyat di suatu kawasan, peluang untuk terus menjadi tuai rumah atau pengerusi JKKK agak tipis.

## **JKKK DAN BIRO WANITA**

JKKK ialah sebuah institusi kepimpinan di peringkat kampung yang diwujudkan untuk membangunkan sektor luar bandar. Penubuhan JKKK bertujuan untuk mewujudkan ruang dan memberikan peluang kepada rakyat di akar umbi untuk melibatkan diri dalam proses pembangunan di peringkat kampung. JKKK ialah badan yang bertindak sebagai agen perubahan dan penghubung penting antara kerajaan dengan penduduk kampung. Kepimpinan JKKK di kampung turut membantu dalam mengembangkan peluang-peluang yang disediakan oleh kerajaan dengan sumber-sumber tempatan yang ada untuk faedah penduduk.

Pada dasarnya, pengerusi JKKK dilantik oleh pegawai daerah setelah mengambil kira pandangan penduduk kampung atau rumah panjang. Walau bagaimanapun, jawatan pengerusi JKKK turut dipolitikkan dan sering digunakan sebagai “gula-gula” atau perkhidmatan untuk menggalakkan tuai rumah dan penghuni rumah panjang menyokong ahli politik. Walaupun perkhidmatan pengerusi JKKK ialah secara sukarela dan tidak bergaji, namun status jawatan tersebut menyebabkan ia menjadi tarikan kepada individu-individu yang mempunyai aspirasi menggunakan jawatan tersebut untuk lebih rapat dengan wakil rakyat di kawasan. Harus ditekankan di sini bahawa biro wanita merupakan salah satu cabang biro-biro<sup>5</sup> yang termasuk dalam JKKK. Peranan biro wanita adalah seperti berikut:

1. Mengadakan aktiviti yang dapat menggalakkan pemuaafakatan dalam kalangan wanita di kampung.
2. Memastikan kepentingan golongan wanita di kampung atau rumah panjang tidak terabai terutamanya golongan ibu tunggal.
3. Mewujudkan kerjasama dengan Amanah Ihktiar Malaysia (AIM) untuk membantu ahli-ahli mendapatkan modal bagi memulakan perniagaan dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) untuk membantu ahli-ahli dalam hal-hal berkaitan dengan ekonomi rumah tangga.

## **BIRO WANITA DI TAMIN DAN MELUAN**

Biro wanita memainkan peranan penting dalam menguruskan hal ehwal wanita di sesebuah rumah panjang di samping membantu JKJK dalam perkara lain. Ia juga memainkan peranan penting dalam menguruskan kegiatan sehari-hari wanita serta melibatkan wanita dalam bidang ekonomi supaya mereka boleh meningkatkan taraf sosioekonomi diri dan keluarga. Selain itu, biro wanita juga digalakkan untuk proaktif dalam aktiviti yang boleh mengangkat serta memartabatkan golongan wanita selaras dengan peredaran zaman. Biro wanita turut menyumbang kepada kemajuan komuniti di akar umbi dalam menyatupadukan masyarakat setempat.

Biro wanita di kawasan Tamin mula ditubuhkan pada tahun 1996. Wakil parlimen bagi kawasan Selangau ketika itu ialah Joseph Mauh Ikeh. Penubuhan biro wanita tercetus akibat perselisihan faham antara ahli wanita dan ahli lelaki dalam JKJK tentang perbelanjaan wang JKJK untuk membeli pinggan mangkuk serta perkakas dapur, membeli kek hari lahir untuk aktiviti riadah serta pembinaan dapur guna sama bagi kegunaan penghuni rumah panjang semasa kematian, perkahwinan atau upacara penting yang lain. Pembinaan dapur guna sama adalah sangat penting kerana ia boleh mengurangkan beban penghuni rumah panjang serta mengurangkan kejadian kebakaran yang dikaitkan dengan keadaan dan penggunaan perkakas dapur yang tidak selamat. Bangunan untuk dapur guna sama dibina berdekatan dengan rumah panjang. Biro wanita di kawasan Meluan pula muncul pada sekitar tahun 2000. Semua rumah panjang berdaftar mempunyai biro wanitanya tersendiri. Justifikasi penubuhan biro wanita di kawasan Meluan adalah sama dengan Selangau atau Tamin.

Setiap rumah panjang akan diperuntukkan sejumlah wang oleh wakil rakyat di kawasan mereka untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti rumah panjang. Peruntukan tersebut biasanya digunakan untuk kegunaan semua penghuni rumah panjang tersebut. Justeru, ia hendaklah digunakan secara berhemah dan harus mendapat persetujuan daripada semua ahli. Seiring itu, segala perbelanjaan akan dicatatkan dalam akaun JKJK. Jumlah peruntukan yang diberikan bergantung kepada wakil rakyat. Ia digunakan untuk membiayai penyelenggaraan rumah panjang atau aktiviti lain yang melibatkan semua penghuni rumah panjang tersebut. Oleh kerana jumlah peruntukan adalah terhad, pembelian alatan memasak, pembelian pinggan mangkuk dan dapur untuk memasak bersama penghuni rumah panjang tidak dibenarkan. Bagi menyelesaikan masalah tersebut, kaum wanita rumah panjang disarankan menubuhkan biro wanita bagi membolehkan wakil rakyat mereka menyalurkan peruntukan tersebut.

Dari segi keahlian, ahli-ahli biro<sup>6</sup> wanita dipilih daripada setiap “bilik” (keluarga) di rumah panjang. Setiap bilik akan menghantar seorang calon dan undi akan diadakan dalam kalangan ahli biro wanita untuk memilih ahli. Begitu juga dengan pemilihan pengurusi, timbalan pengurusi, setiausaha dan bendahari biro wanita juga dilakukan melalui pengundian. Pada awalnya, biro wanita dipengerusikan oleh isteri tuai rumah tetapi amalan ini telah berubah. Kini, pemilihan pengurusi dilakukan melalui proses demokrasi untuk mengurangkan ketirisan dan memastikan suara setiap bilik diwakili dalam membuat keputusan. Kelazimannya, ahli yang dipilih terdiri daripada mereka yang setia dan boleh bekerjasama dengan tuai rumah. Jumlah ahli biro wanita juga bergantung kepada jumlah bilik di sebuah rumah panjang. Selain itu, terdapat segelintir ahli biro wanita yang menjadi ahli sayap wanita parti pada peringkat cawangan.

Biro wanita dikehendaki mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun. Mereka juga dikehendaki melaporkan penggunaan wang serta aktiviti atau program yang telah dan akan dilakukan. Permohonan bajet akan dilakukan sekiranya 60% daripada peruntukan asal telah digunakan. Selain itu, biro wanita juga sangat aktif semasa lawatan wakil rakyat atau calon yang bertanding dan semasa upacara penting rumah panjang diadakan. Sebagai contoh, biro wanita bertanggungjawab menyediakan makanan dan kuih-muih, membeli sagu hati atau kraf tangan untuk diberikan kepada pelawat atau wakil rakyat yang datang mengunjungi rumah panjang ketika upacara rasmi diadakan.

Semasa temu bual dengan tuai rumah dan calon yang bertanding, mereka mengaku akan kepentingan sumbangan biro wanita dalam pilihan raya di peringkat akar umbi. Hal ini kerana rata-rata ahli biro wanita terdiri daripada mereka yang berumur antara 20 tahun hingga 40 tahun, mempunyai pendidikan dan celik teknologi. Sebelum ini, peranan wanita dalam pilihan raya di kawasan luar bandar terutamanya di rumah panjang sering dipandang rendah oleh calon atau wakil rakyat. Kini, golongan wanita di rumah panjang adalah lebih vokal dalam menyampaikan keinginan mereka kepada bakal calon atau wakil rakyat sedia ada. Pencapaian pendidikan yang lebih baik, dorongan keluarga serta pendedahan kepada dunia luar sedikit sebanyak telah memberi keyakinan kepada golongan wanita muda di luar bandar khususnya di Tamin dan Meluan. Selain biro wanita, kumpulan pemuda parti di peringkat akar umbi juga mempunyai peranan yang sangat penting semasa pilihan raya terutamanya ketika berkempen.

## **SAYAP PEMUDA PRS DI TAMIN DAN PDP DI MELUAN**

Di Tamin, Sayap Pemuda PRS diketuai oleh kaunselor Henry Kanyan yang juga merupakan ahli sayap pemuda parti di peringkat pusat sejak tahun 2016. Beliau berkecimpung dalam bidang politik sejak tahun 2011 dan berusia 45 tahun. Beliau telah dilantik menjadi pengurus kempen pilihan raya sebanyak dua kali pada tahun 2016 dan 2021. Selain itu, beliau juga sangat popular dalam kalangan golongan muda di Tamin khasnya di daerah Sekuau.

Berdasarkan perlumbaan PRS, jumlah keahlian pemuda di peringkat bahagian harus melebihi 150 orang. Jumlah keahlian pemuda di Tamin di bawah pimpinan Henry adalah melebihi 200 orang ahli. Ramai daripada ahli pemuda terdiri daripada golongan yang mempunyai pendidikan sekurang-kurangnya di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun. Mereka juga sangat aktif dalam media sosial dan celik teknologi.

Selain membantu wakil rakyat yang bertanding dan berkempen secara bersemuka, Sayap Pemuda PRS juga turut menggunakan aplikasi media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram, YouTube, WeChat, Snapchat, WhatsApp, Telegram dan lain-lain aplikasi untuk menyampaikan bahan kempen atau menyebarkan projek-projek yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh wakil rakyat yang bertanding. Di Tamin, kempen secara maya ternyata banyak digunakan oleh pemuda disebabkankekangan yang dikenakan untuk mengelakkan penularan COVID-19. Misalnya, rakaman video Christopher Gira yang menerangkan rancangan pembangunan disebarluaskan melalui WhatsApp. Penggunaan WhatsApp untuk menyebarkan risalah, manifesto dan pencapaian-pencapaian wakil rakyat adalah sangat popular di Tamin kerana aplikasi ini amat mudah digunakan oleh golongan yang kurang celik teknologi. Perkara ini ternyata sangat berkesan kerana capaiannya bukan terhad di Tamin malah mencakupi semua pengundi di Tamin tidak kira di mana mereka berada. Pada masa yang sama, aplikasi WhatsApp boleh digunakan di kawasan yang capaian internetnya agak rendah. Malah, terdapat banyak kumpulan WhatsApp ditubuhkan bagi setiap kawasan mengundi di Tamin bagi memastikan mesej kempen dan manifesto calon dapat diakses oleh setiap pengundi.

Selain itu, Sayap Pemuda PRS juga turut berkempen secara fizikal di beberapa kawasan yang mempunyai ramai golongan muda untuk menarik mereka menyertai parti dan menyokong parti di peringkat akar umbi. Peranan Sayap Pemuda PRS sangat penting terutamanya jika calon yang bertanding berumur melebihi 40 tahun kerana mereka boleh menggunakan peluang tersebut untuk menyampaikan hasrat dan manifesto calon dengan lebih berkesan dalam kalangan pengundi

muda. Pada masa yang sama, bagi kawasan yang sangat luas dengan kepadatan penduduk yang rendah dan jalinan jalan raya yang tidak begitu baik, peranan Sayap Pemuda PRS sangat penting dalam membantu calon semasa berkempen. Tambahan pula, di Tamin sahaja terdapat lebih daripada 400 buah rumah panjang dan ini menyukarkan calon untuk melawat semua rumah panjang tersebut. Maka pendekatan “pecah dan perintah” telah digunakan untuk membolehkan semua kawasan dikunjungi semasa berkempen. Melalui pendekatan ini, Sayap Pemuda PRS akan mengadakan aktiviti-aktiviti sosial dan riadah untuk menarik pengundi-pengundi muda menyokong wakil rakyat yang bertanding.

Pematuhan Prosedur Operasi Standard semasa berkempen dan had masa yang dikenakan untuk berkempen di sesuatu tempat hanya dibenarkan selama dua jam dan waktu berkempen pula tidak melebihi pukul 10:00 malam. Ini menyukarkan calon yang bertanding untuk mengadakan lawatan dari satu tempat ke tempat yang lain walaupun tempoh berkempen adalah panjang iaitu selama 12 hari. Maka, di sinilah bantuan Sayap Pemuda PRS diperlukan bagi menyampaikan mesej kempen calon di pelbagai lokasi secara serentak.

Bagi kawasan Meluan, kumpulan pemuda di kawasan tersebut diketuai oleh Japuk yang telah berkhidmat dan membantu wakil rakyat di kawasan tersebut sejak 2016. Beliau berusia dalam lingkungan awal 40-an dan berasal dari Nanga Kemalih, Entabai. Japuk menetap di Sarikei dan mempunyai perniagaan kecil. Beliau telah banyak membantu dan bersama-sama dengan Rolland Duat di Meluan sejak 2016. Japuk mempunyai pertalian saudara dengan Rolland Duat dan banyak mendapat projek pembangunan kecil.

Kebanyakan ahli Sayap Pemuda PDP Meluan dianggotai oleh kaunselor, guru, jurutera awam, pegawai perubatan yang berusia dalam lingkungan 30 tahun ke atas. Mereka telah berkhidmat dan membantu Rolland Duat sejak beliau menang pilihan raya negeri yang lalu. Mereka telah berkempen dengan gigih untuk memastikan calon penyandang yang bertanding menang. Strategi kempen yang digunakan Sayap Pemuda PDP Meluan agak ketinggalan berbanding Sayap Pemuda PRS. Perkara ini disebabkan capaian internet di Meluan jauh lebih rendah berbanding di Tamin. Sayap Pemuda PDP banyak bergantung kepada kempen dari rumah panjang ke rumah panjang. Pada masa yang sama, rangkaian jalan raya yang tidak baik turut menyukarkan kempen, terutamanya di rumah panjang yang sukar dihubungi melalui jalan raya yang selamat.

Sayap Pemuda PDP yang diketuai oleh Japuk mempunyai keahlian lebih daripada 300 orang (Japuk, temu bual, 13 Oktober 2021). Semasa PRNS 2021, Sayap Pemuda di Meluan memainkan peranan yang sama dengan Sayap Pemuda di

Tamin. Mereka telah mula berkempen dan mengunjungi lokasi-lokasi atau rumah panjang yang disenaraikan sebagai kawasan “hitam” atau “kelabu”. Warna-warna ini merujuk kepada kawasan yang mana calon penyandang memperoleh undi yang sangat rendah semasa PRNS 2016.

## KLIENTELISME DI TAMIN DAN MELUAN

### Program dan Latihan kepada Ahli Biro Wanita

Hubungan simbiotik wakil rakyat sebagai penaung kepada biro wanita menggambarkan ciri-ciri klientelisme dalam hubungan tersebut. Klientelisme politik ialah pertukaran barang dan perkhidmatan untuk sokongan politik, sering melibatkan *quid-pro-quo* tersirat atau tersurat. Ia berkait rapat dengan politik penaungan dan pembelian undi, khususnya di luar bandar. Hal ini mempamerkan ciri-ciri penaungan yang berlaku di pinggiran (Theobald 1999) iaitu wujudnya hubungan bersifat tradisional seperti penaung-dinaungi antara mereka yang berstatus tinggi dengan mereka yang berstatus rendah (Powell 1970; Scott 1972; 1977; Graziano 1973; Landé 1977; Eisenstadt dan Ronoger 1981; Bearfield 2009). Hubungan akrab berat sebelah seolah-olah mirip hubungan yang terbentuk antara wakil rakyat dan biro wanita di Tamin dan Meluan. Dalam senario biro wanita dengan wakil rakyat yang bertanding, pertukaran barang dan perkhidmatan berbentuk program sosioekonomi, latihan serta perkhidmatan berbentuk jangka pendek. Latihan yang telah diberikan kepada biro wanita sebagai balasan undi yang telah diberikan ialah latihan menjahit, menenun, menyediakan latihan serta alat untuk membuat kerepek pisang atau ubi, membuat bakul serta tas tangan, dan latihan mengendalikan perniagaan atas talian.

Wakil rakyat juga turut memberikan mereka projek kecil sama ada dalam bentuk cek atau latihan. Jumlah pengundi wanita yang ramai juga turut menjadikan biro wanita sebagai salah satu institusi akar umbi yang sangat berpengaruh. Sebagai balasan, biro wanita berkempen untuk wakil rakyat. Pengenalan Undi18 turut menjadi dorongan kepada wakil rakyat untuk memberi perhatian kepada biro wanita serta ahli-ahlinya yang muda dan berpendidikan.

Bagi wakil rakyat yang bertanding, peranan yang dimainkan oleh biro wanita di peringkat rumah panjang adalah sama pentingnya dengan peranan yang dimainkan oleh sayap wanita parti. Hasil temu bual dengan ketua pemuda dan wakil rakyat di Tamin dan Meluan mendapati peranan biro wanita dalam pilihan raya adalah sangat penting khasnya semasa berkempen. Pertama, wanita mempunyai pengaruh dalam mempengaruhi ahli keluarga masing-masing dalam pemilihan calon.

Pengundi wanita juga biasanya lebih setia dan tidak akan mengubah sokongan mereka kepada calon yang lain. Oleh sebab itu, keakraban calon yang bertanding dengan biro wanita akan memberi peluang yang lebih besar kepada calon tersebut untuk meraih undi yang tinggi. Temu bual dengan salah seorang suami ahli biro wanita juga turut mengukuhkan lagi kenyataan tersebut. Beliau berkata:

Isteri saya lebih rapat dengan wakil rakyat atau calon yang bertanding, jadi saya percaya pilihan isteri saya. Wakil rakyat yang bertanding banyak membantu isteri, kakak atau anak saya. Dan sebagai balasan saya akan mengundi wakil rakyat yang bertanding yang menjadi pilihan isteri saya. (James, temu bual, 14 Disember 2021)

### **Bantuan Kewangan Tidak Rasmi**

Peranan dan fungsi biro wanita di peringkat rumah panjang telah dikembangkan lagi pada beberapa tahun kebelakangan ini, seiring dengan peningkatan jumlah pengundi wanita. Kini, biro wanita bukan sekadar menyediakan makanan, minuman atau sagu hati semasa upacara-upacara rasmi dan tidak rasmi di peringkat rumah panjang, tetapi turut bergiat aktif dalam aktiviti politik semasa kempen pilihan raya. Berdasarkan temu bual dengan sayap pemuda dan ketua biro wanita di kawasan Tamin dan Meluan, penglibatan aktif biro wanita semasa kempen pilihan raya merupakan faktor penting kepada wakil rakyat yang bertanding dan kepada biro wanita. Misalnya, jika biro wanita tersebut aktif berkempen atau menyertai kempen pilihan raya wakil rakyat yang bertanding, mereka akan peroleh pulangan yang lebih tinggi. Pulangan ini berbentuk peningkatan peruntukan kewangan serta pengajuran pelbagai jenis program dan aktiviti yang boleh meningkatkan kemahiran golongan wanita.

Jumlah peruntukan yang disalurkan kepada biro wanita bergantung kepada peruntukan yang ada pada wakil rakyat, keakraban biro wanita dan ahli dengan wakil rakyat dan juga penglibatan biro wanita dan ahli-ahlinya semasa dan selepas kempen pilihan raya. Jumlah peruntukan di kawasan Tamin pada awalnya lebih kurang RM1,500. Jumlah tersebut kemudiannya meningkat kepada RM3,000 dan sekarang jumlah tersebut adalah sekitar RM5,000 (Ketua Biro Wanita DUN Tamin, temu bual, 13 Disember 2021). Selain itu, calon penyandang juga turut memberi peruntukan sebanyak RM5,000 kepada biro wanita setiap rumah panjang di JKRR Rumah Kiew, Rumah Umping, Rumah Seruji, Rumah Liman, Rumah Randi dan Ketua Kampung Dayang Haluan. Beliau turut memperuntukan sebanyak RM24,000 kepada JKRR Rumah Steven dan RM5,000 kepada biro wanita di rumah panjang yang sama. Sebagai balasan, undi diperoleh calon daripada pengundi-pengundi di

rumah panjang tersebut sangat tinggi. Hasil pemerhatian mendapati Christopher Gira selaku penaung di Tamin mendapat sokongan padu daripada beberapa ketua masyarakat, penghulu, temenggong, pegawai daerah dan tuai rumah yang merupakan klien. Justeru, kedudukan biro wanita di bawah JKKK dan institusi tuai rumah menunjukkan bahawa mereka merupakan klien kepada Christopher Gira. Hal ini dapat dibuktikan melalui sokongan berbentuk dana kepada biro wanita untuk membolehkan mereka mengadakan aktiviti riadah dan lawatan sosial sambil belajar ke Kuching.

Jumlah peruntukan di Meluan pada awalnya ialah sekitar RM1,500 dan kemudiannya meningkat kepada RM2,000 (Ketua Biro Wanita Meluan, temu bual, 13 Disember 2021). Biro wanita juga mempunyai aktiviti atau program seperti menganyam bakul, tikar serta raga, menenun, memasak, membuat rantai manik serta hiasan dinding yang boleh menjana sumber ekonomi dan sumber kewangan yang lebih kepada biro wanita dan ahli-ahlinya. Berdasarkan temu bual di lapangan, jumlah peruntukan biasanya berubah-ubah mengikut permohonan yang dibuat. Lazimnya, permohonan peruntukan kewangan daripada biro wanita sentiasa mendapat kelulusan. Sebagai balasan, biro wanita akan memastikan calon meraih undi yang banyak dengan mempengaruhi ahli keluarga mereka untuk mengundi calon yang bertanding.

Temu bual dengan ahli-ahli biro wanita di beberapa rumah panjang semasa kempen PRNS 2021 mendapati semakin prihatin wakil rakyat terhadap isu-isu yang berkaitan dengan wanita – sama ada menyokong aktiviti atau program yang diadakan atau mengadakan latihan-latihan yang boleh membantu kaum wanita di rumah panjang untuk menjana ekonomi – semakin tinggi sokongan yang akan diperoleh oleh wakil rakyat tersebut daripada biro wanita. Misalnya, wakil rakyat di Tamin telah menaja lawatan sambil belajar biro wanita dari daerah mengundi Sekuau ke DUN Sarawak pada 2019 dengan menggunakan dana beliau sendiri. Selain itu, wakil rakyat di kawasan Tamin dan Meluan turut menaja pencetakan baju biro wanita Tamin dan Meluan dengan logo parti yang kemudiannya digunakan untuk berkempen. Dalam erti kata lain, sebagai balasan terhadap bantuan dan sokongan biro wanita semasa berkempen, ganjaran berbentuk wang, projek-projek kecil, latihan berbentuk barang dan faedah nyata akan diagihkan (Mersat 2009).

Begitu juga di Meluan iaitu tiga minggu sebelum PRNS 2021 diumumkan, calon penyandang di kawasan tersebut telah mengadakan lawatan ke beberapa buah rumah panjang dalam kawasan beliau. Ketika lawatan tersebut, calon penyandang turut disertai oleh isteri beliau yang mempunyai hubungan rapat dengan biro

wanita di rumah panjang yang dikunjungi. Semasa lawatan tersebut, beliau dan isteri turut menyerahkan cek berjumlah antara RM2,000 ke RM5,000 kepada biro wanita di setiap rumah panjang. Sebagai contoh, semasa lawatan ke sebuah rumah panjang di kawasan Lubok Dalam di Engkamuh, beliau telah disambut mesra oleh ketua biro wanita yang kebetulannya diketuai oleh isteri tuai rumah tersebut. Hubungan rapat beliau dengan ahli biro wanita di Lubok Dalam sangat jelas bukan sahaja berdasarkan sambutan yang diberikan kepada beliau dan isteri tetapi komitmen yang ditunjukkan oleh ahli-ahli biro wanita untuk membantu beliau meningkatkan jumlah undi semasa pilihan raya. Semasa kunjungan tersebut, beliau menerima permohonan daripada biro wanita untuk melaksanakan program yang membolehkan wanita di rumah panjang tersebut meningkatkan pendapatan.

### **Pelantikan ke Jawatan Tuai Rumah dan Penghulu**

Selain itu, terdapat segelintir ahli biro wanita yang menjadi ahli sayap wanita parti di peringkat cawangan. Keadaan ini bukan hanya membantu mengukuhkan hubungan erat di antara wakil rakyat yang juga merupakan ahli majlis tertinggi parti atau ketua pemuda dan ketua wanita di peringkat pusat tetapi juga membantu meningkatkan imej serta reputasi wakil rakyat tersebut. Hubungan simbiotik ini sangat penting terutamanya jika wakil rakyat yang bertanding merupakan calon baharu. Justeru, sebaik sahaja calon yang bertanding menang, beliau akan melantik tuai rumah atau penghulu baharu yang telah menyokong beliau semasa pilihan raya. Akibatnya, tuai rumah atau penghulu yang tidak menyokong calon telah diberhentikan perkhidmatan mereka.

Menurut Searle (1983), Mersat (2007) serta Awang Azman dan Suffian (2018), lazimnya penyokong-penyokong akan diutamakan dalam pemberian projek manakala permohonan penyokong-penyokong pembangkang sering dikemudiankan. Terdapat ketua masyarakat yang mendakwa disenarai hitam dan tidak diberikan projek dengan alasan yang dikemukakan oleh wakil rakyat adalah kerana pengundi di situ tidak mengundi calon parti kerajaan. Situasi ini menunjukkan apabila hubungan antara penaung dengan klien itu tidak lagi memberikan faedah nyata kepada salah satu daripada pihak yang terlibat, maka hubungan tersebut terputus (Sebli-Seidelson 2008; Mersat 2009). Selain itu, beberapa orang tuai rumah yang telah menyokong calon semasa pilihan raya masih tidak mendapat surat watikah lantikan. Kegagalan calon menuaikan janji-janji tersebut turut menyebabkan mereka mengalih sokongan kepada penaung yang baharu. Sebagai contoh, salah seorang tuai rumah (berusia 30-an) telah mengalihkan sokongan kepada penaung yang baharu kerana habuan dalam bentuk projek pembangunan tidak setimpal dengan sokongan padu yang telah diberikan semasa berkempen.

Melalui sokongan kepada penaung baharu ini, beliau mendapat banyak kontrak binaan dan ini mendorong beliau untuk memutuskan hubungan dengan penaung terdahulu.

Hubungan timbal balik antara penaung dengan yang dinaungi di Tamin pula adalah ketara melalui tindakan Gira membalaik sokongan politik yang diberikan oleh golongan wanita di kawasan tersebut. Penghulu Surang dari Ulu Tamin berpandangan biro wanita dan tuai rumah wanita menjadi faktor penyumbang kepada kemenangan besar Gira. Gira telah melantik 26 tuai rumah wanita dan bilangan ini merupakan lonjakan terbesar daripada jumlah terdahulu. Beliau juga telah mencalonkan seorang penghulu wanita buat kali pertama di Tamin. Justeru, hubungan rapat wakil rakyat dengan biro wanita secara tidak langsung boleh memperkuuh sokongan terhadap pemimpin di peringkat akar umbi.

### **Pemberian Projek Pembangunan Kecil, Lesen atau Kontrak Perniagaan**

Beberapa ahli sayap pemuda di Tamin telah diberi lesen perniagaan kecil atau kontrak untuk projek pembangunan di bawah MRP yang berjumlah sekitar RM60,000 hingga RM100,000. Perkara ini biasanya melibatkan penaiktarafan jalan kebun dan penyediaan tapak rumah panjang yang baharu. Sayap pemuda dari Meluan juga turut mendapat habuan yang banyak daripada calon penyandang yang bertanding seperti modal untuk mendirikan perniagaan dan akses kepada lesen perniagaan, projek pembangunan kecil dan ganjaran-ganjaran lain seperti kontrak perniagaan, tender membuat jalan, projek menyediakan tapak membina rumah panjang dan pembinaan tapak letak kereta depan rumah panjang.

Meluan terletak di kawasan pedalaman dan mempunyai jaringan jalan raya yang tidak baik di samping keadaan geografi yang berbukit dan capaian internet yang lemah berbanding Tamin. Keadaan ini menyukarkan penggunaan media sosial sewaktu berkempen di samping waktu berkempen yang dihadkan selama dua jam turut menghalang calon untuk melawat semua lokasi di Meluan. Walaupun begitu, kegigihan Sayap Pemuda PDP dalam membantu calon berkempen semasa pilihan raya ternyata tidak berjaya meningkatkan undi majoriti kerana rumah panjang tersebut tidak mempunyai perwakilan dari sayap pemuda. Kegagalan calon penyandang untuk menuaikan janji-janji dahulu turut mempengaruhi sokongan yang diberikan kepada beliau. Hal ini menjelaskan ketidakupayaan seseorang calon atau penaung untuk menyalurkan faedah nyata kepada salah satu daripada pihak yang terlibat mengakibatkan hubungan tersebut terputus.

Menurut Ketua Sayap Pemuda PDP Meluan (temu bual, 20 April 2022):

Walaupun kami tidak berhenti berkempen membantu calon, namun akhirnya keputusan untuk mengundi beliau dipengaruhi oleh kegigihan beliau menjalankan tugas sebagai wakil rakyat dan keupayaan beliau memenuhi semua janji yang telah beliau buat kepada pengundi-pengundi di Meluan. Kami akui memang agak payah untuk berkempen kerana segelintir besar pengundi daripada beberapa buah rumah panjang di mana beliau tewas, menuntut agar calon memenuhi janji-janji pilihan raya yang beliau buat semasa pilihan raya 2016. Kami berasa serba salah untuk menjawab soalan-soalan yang dilemparkan kepada kami semasa lawatan kempen ke kawasan tersebut. Kami tidak boleh meyakinkan pengundi di situ bahawa calon akan menunaikan janji-janji beliau kerana pada ketika itu, calon sedang berkempen di kawasan lain.

### **Sokongan ke Atas Aktiviti Sayap Pemuda**

Selain itu, banyak aktiviti telah dilakukan oleh pemuda di Tamin dan Meluan sebelum PRNS 2021 diumumkan. Misalnya di Tamin, pertandingan futsal, sepak takraw, badminton serta bola tampar telah diadakan dengan menggunakan peruntukan peribadi daripada calon yang bertanding. Selain itu, calon-calon penyandang turut membiayai aktiviti riadah serta sosial seperti program santai yang dianjurkan oleh sayap pemuda secara peribadi. Bantuan wang pendahuluan turut dihulurkan secara peribadi untuk kursus menternak ikan dalam sangkar serta menyokong program belia di Tamin tentang pandangan dan cadangan belia untuk membangunkan kawasan-kawasan di bawah DUN Tamin. Sebagai balasan, Ketua Sayap Pemuda Tamin yang diketuai oleh Henry Kanyan telah mengadakan kempen pilihan raya dengan gigih bagi memastikan kemenangan besar kepada Christopher Gira.

Calon penyandang Christopher Gira juga telah mengumumkan projek pembinaan kompleks sukan dalaman yang bernilai RM500 juta. Pengumuman projek ini telah mendapat sambutan yang sangat meriah daripada golongan anak muda semasa beliau berkempen di beberapa buah rumah panjang di Sekuau. Perkara ini disifatkan oleh sebahagian besar golongan muda sebagai ganjaran yang diberikan kerana usaha mereka untuk memastikan kemenangan kepada calon penyandang. Selain itu, calon juga telah berjaya menunaikan hampir kesemua janji-janji sebelum ini dalam bentuk pengagihan projek RTP dan MRP. Sebaik sahaja calon menang, beliau berjanji untuk membangunkan infrastruktur fizikal seperti jalan raya, menambah baik pekan Selangau, pembinaan Selangau *waterfront*, menyalurkan bantuan alat bina rumah dan banyak lagi. Sebahagian daripada projek pembangunan tersebut sedang giat dijalankan pada masa kini.

Walaupun calon penyandang dicabar oleh calon PSB yang lebih berpengalaman semasa PRNS 2021, namun kekangan jentera pilihan raya serta ketiadaan sokongan sayap pemuda semasa kempen menjelaskan prestasi parti pembangkang. Ketua Sayap Pemuda Tamin menyatakan bahawa calon pembangkang tidak pernah menyokong aktiviti serta program yang diadakan oleh sayap pemuda. Pada masa yang sama, calon pembangkang tidak mempunyai sumber yang banyak yang boleh ditukar dengan undi. Selain itu, calon pembangkang juga mempunyai rekod yang tidak baik kerana gagal menunaikan janji-janji beliau kepada pengundi semasa beliau masih memegang jawatan menteri. Walaupun calon pembangkang berpengalaman dan mempunyai ramai kenalan dan penyokong tegar, beliau tidak mampu menyaingi calon daripada parti kerajaan. Ramai daripada penyokong-penyokong terdahulu beliau telah menyokong calon daripada parti kerajaan kerana mereka percaya hanya calon daripada parti kerajaan sahaja yang mampu memberikan projek-projek pembangunan yang masih amat diperlukan di kawasan luar bandar.

### **Lantikan Jawatan Penting dalam Parti**

Ramai daripada ahli pemuda telah dilantik sebagai pegawai DUN, kaunselor di daerah Mukah dan Selangau serta Ketua Sayap Pemuda Cawangan Tamin dan Meluan. Di Tamin, jawatan kaunselor di daerah Mukah dan pembantu pegawai DUN dilantik dalam kalangan ahli sayap pemuda walaupun ramai yang mengkritik kerana mereka tidak mempunyai kelayakan pendidikan bagi jawatan tersebut. Selain itu, kebanyakan projek binaan kecil bernilai di bawah RM100,000 diagihkan oleh Gira kepada kaunselor yang dilantik. Ketua Sayap Pemuda Tamin juga turut dilantik sebagai pengarah kempen pilihan raya. Perkara ini menunjukkan hubungan rapat serta kepercayaan yang tinggi diberikan oleh calon penyandang kepada sayap pemuda. Lantikan tersebut adalah sebagai balasan sokongan undi yang telah diberikan semasa pilihan raya. Situasi ini menunjukkan klientelisme politik di Sarawak iaitu undi ditukar dengan pelantikan ke jawatan penting dalam parti serta agihan projek kecil (Scheiner 2005; Mersat 2008; 2009; Awang Azman dan Suffian 2018).

Di Meluan, para kaunselor yang dilantik mempunyai hubungan yang rapat dengan wakil rakyat Meluan. Ada di antara mereka mempunyai lesen pembinaan. Menurut salah seorang daripada ahli sayap pemuda, projek-projek kecil yang diberikan adalah penting kerana projek tersebut sangat membantu dalam meningkatkan sumber kewangan mereka. Beliau turut menyatakan bahawa wang daripada projek tersebut digunakan untuk membantu aktiviti sayap pemuda ketika berkempen. Jumlah dana projek pembangunan akan meningkat jika wakil rakyat berpuas hati dengan prestasi sayap pemuda dalam membantu beliau meningkatkan jumlah undi yang diperoleh semasa pilihan raya.

## KESIMPULAN

Biro Wanita dan Sayap Pemuda PRS dan PDP memainkan peranan yang sangat penting dalam aktiviti kempen calon yang bertanding di peringkat akar umbi. Biro wanita memainkan peranan yang lebih efektif berbanding sayap wanita di peringkat rumah panjang kerana penglibatan secara langsung mereka dalam JKJKK. Hubungan simbiotik antara calon dengan biro wanita dan sayap pemuda ini dipengaruhi oleh ganjaran atau perkhidmatan serta tawaran yang diberikan oleh calon, sama ada semasa atau selepas berkempen. Hubungan timbal balik tersebut dapat dilihat berdasarkan jumlah undi yang diraih oleh calon yang bertanding dan “habuan” yang diterima oleh biro wanita dan sayap pemuda di kedua-dua parti yang terlibat. Pengalaman penulis di lokasi kajian iaitu di Tamin dan di Meluan secara umumnya menunjukkan tiada kelainan dalam hubungan penaung-dinaungi terutamanya antara wakil rakyat dengan biro wanita serta sayap pemuda parti. Di Tamin, Christopher Gira mengambil alih klien daripada Joseph Mauh apabila beliau menggantikan Joseph sebagai wakil rakyat pada tahun 2016. Peralihan pengaruh politik tersebut berjalan lancar kerana hubungan baik antara Gira dengan Joseph. Justeru, kesinambungan hubungan penaung-dinaungi ini semakin kukuh di bawah pentadbiran Gira dengan pelantikan kaunselor dan penghulu baharu yang telah menyumbang kepada kemenangan beliau.

Berbeza pula di Meluan iaitu Rolland Duat tidak mewarisi klien daripada wakil rakyat terdahulu iaitu Wong Judat kerana beliau tidak mempunyai hubungan yang baik dengan Wong. Justeru, apabila memenangi PRNS 2016, Rolland telah memilih klien sendiri yang boleh membantu untuk menguatkan pengaruh dan sokongan terhadap beliau. Misalnya, sebaik sahaja beliau menjadi wakil rakyat, seramai 28 orang tuai rumah dan beberapa orang penghulu tidak dilantik semula dengan alasan mereka tidak menyokong Rolland semasa pilihan raya. Begitu juga dengan jawatan kaunselor iaitu kaunselor-kaunselor yang telah dilantik oleh Wong sebelum ini diganti dengan individu yang menyokong Rolland. Secara tidak langsung, tindakan ini telah menyumbang kepada jumlah undi rendah yang diperoleh Rolland semasa PRNS 2021 walaupun beliau banyak menyumbang kepada pembangunan di Meluan.

Selain itu, hubungan timbal balik antara penaung (Gira dan Rolland) dengan klien sama ada biro wanita atau sayap pemuda adalah sama. Hubungan ini amat jelas semasa dan selepas kempen pilihan raya iaitu undi diterjemahkan dalam bentuk pelantikan ke jawatan penghulu atau kaunselor, atau dalam peningkatan jenis projek pembangunan serta bantuan tunai dalam bentuk cek atau program berbentuk latihan kepada biro wanita. Boleh disimpulkan bahawa peranan Biro Wanita

Meluan dan Tamin lebih efektif berbanding sayap wanita parti. Di Meluan, biro wanita mempunyai hubungan yang lebih rapat dengan Rolland berbanding sayap wanita parti kerana mereka sangat setia dan banyak membantu semasa berkempen. Pada masa yang sama, permintaan biro wanita mudah ditunaikan dan dianggap munasabah kerana ia terletak dalam kemampuan wakil rakyat. Tambahan pula, ketidakseimbangan kuasa antara biro wanita dengan wakil rakyat turut mempengaruhi kebergantungan biro wanita terhadap wakil rakyat berbanding sayap wanita parti. Kesimpulannya, konsep klientelisme yang dipelopori oleh Scheiner (2005) dan Theobald (1999) terutamanya penaungan di pinggiran memang wujud dalam konteks politik di Sarawak terutamanya di kawasan luar bandar seperti di Tamin dan di Meluan semasa PRNS 2021. Secara amnya, politik penaungan masih lagi mewarnai ciri-ciri politik luar bandar di Sarawak kerana masih lagi didorong oleh kemampuan calon dalam memenuhi keperluan asas yang didambakan oleh pengundi yang kemudiannya digantikan dengan sokongan undi.

## **PENGHARGAAN**

Projek ini dibiayai oleh ASTRO Sdn. Bhd. di bawah kajian yang bertajuk “Sarawak Memilih 2021” (nombor rujukan: UHSB/B-AM2022/004). Penyelidik juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Henry Kanyan, Ajan, Japuk, Tuai Rumah Regina, Penghulu Surang, Tani Assan, Penghulu Catherine Tamoh, Rolland Duat, Elly Lawai, Christopher Gira, Joseph Mauk Ikeh serta individu lain yang tidak dapat disenaraikan nama mereka kerana telah bersetuju untuk ditemu bual dan sudi meluangkan masa untuk membantu penyelidik dalam menjalankan kajian ini.

## **NOTA**

1. Parti Bumi Kenyalang (PBK) ialah parti yang paling banyak mengetengahkan calon wanita iaitu sebanyak 13 orang diikuti 10 daripada Parti Sarawak Bersatu (PSB), Parti Aspirasi Rakyat Sarawak (ASPIRASI) (6), Parti Keadilan Rakyat (PKR) (5), Gabungan Parti Sarawak (GPS) (4), Democratic Action Party (DAP) (4) dan Parti Amanah Negara (AMANAH) (1) selain terdapat dua calon daripada Bebas.
2. Daripada jumlah itu, GPS menampilkan seramai lima orang yang terdiri daripada Nancy Shukri yang bertanding di Santubong, Rubiah Wang (Kota Samarahan), Hanifah Hajar Taib (Mukah), Doris Sophia Brodie (Sri Aman) dan seorang muka baharu, Rodiyah Sapiee (Batang Sadong). PSB pula menampilkan dua orang calon wanita iaitu Elsiy Tinggang di Serian dan Priscilla Lau di Lanang.

Tiga lagi calon wanita iaitu Zainab Suhaili yang mewakili Pakatan Harapan (PH) di Tanjong Manis, Susan George mewakili Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) di Julau dan Alice Lau dari DAP yang mempertahankan Parlimen Lanang.

3. Istilah patron dan penaung akan digunakan secara berganti di dalam makalah ini. Begitu juga istilah klien dan dinaungi.
4. Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak telah mengeluarkan Surat Pekeliling No. 50/87 pada tahun 1987 iaitu kerajaan negeri telah bersetuju supaya JKKK diterima sebagai institusi yang dipertanggungjawabkan untuk menggembung kerjasama dengan penduduk kampung dalam usaha kerajaan negeri membangunkan tahap ekonomi dan sosial mereka. JKKK memainkan peranan sebagai mekanisme penghubung rakyat dengan agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat luar. Surat pekeliling tersebut juga menekankan supaya kampung-kampung dan rumah-rumah panjang yang belum mempunyai JKKK agar menubuhkan badan tersebut secepat mungkin dengan syarat-syarat berikut: (a) JKKK berfungsi sebagai salah satu saluran orang kampung untuk mencadangkan projek-projek pembangunan kampung; (b) JKKK boleh digunakan sebagai saluran untuk kerajaan menerima maklum balas tentang aspirasi dan masalah pembangunan sosioekonomi kampung; (c) JKKK berfungsi sebagai badan pelaksana projek-projek pembangunan di peringkat paling bawah seperti projek-projek yang menggunakan sistem gotong-royong dan projek pembangunan kampung; dan (d) JKKK boleh digunakan untuk menyelaraskan usaha-usaha dan program-program keselamatan pembangunan masyarakat di peringkat kampung termasuk program-program kerohanian untuk membentuk sikap positif dalam kalangan penduduk setempat. Dari segi keahlian, JKKK tidak boleh melebihi 15 orang yang terdiri daripada orang kampung atau rumah panjang. Secara idealnya, keahlian haruslah melibatkan pemimpin belia dan wanita dan pertubuhan-pertubuhan setempat. Namun demikian, ahli JKKK diberikan elaun bulanan dan kemudahan yang terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.
5. Setiap ahli JKKK hendaklah mengetuai biro seperti: (a) pembangunan (timbalan pengurus); (b) keselamatan; (c) kewangan (bendahari); (d) ekonomi dan pelaburan; (e) sosial dan kebudayaan; (f) pendidikan dan inovasi; (g) agama dan sivik; (h) kebajikan dan kesejahteraan; (i) belia, sukan dan rekreasi; (j) teknologi maklumat dan komunikasi; (k) Biro Wanita (hal ehwal wanita); (l) kesihatan; dan (m) kebersihan, alam sekitar dan keceriaan.
6. Pada awalnya, jawatan pengurus, timbalan pengurus, setiausaha dan bendahari tidak diberikan elaun. Namun, pada ketika ini, mereka telah diberikan sedikit elaun untuk mengurangkan beban kewangan dan memudahkan mereka menjalankan tanggungjawab dengan efektif.

## RUJUKAN

- Awang Azman Awang Pawi and Suffian Mansor. 2018. Sarawak in the 14th General Election: The challenges of the strongman and patron-client concepts. *JEBAT* 45 (2): 186–205.
- Bearfield, D.A. 2009. What is patronage? A critical reexamination. *Public Administration Review* 69(1): 64–76.
- Dettman, S.C. and M.L. Weiss. 2018. Has patronage lost its punch in Malaysia? *Round Table* 107(6): 739–754.
- Eisenstadt, S.N. and L. Ronoger. 1981. The study of patron-client relations and recent developments in sociological theory. In *Political clientelism, patronage and development*, eds. S.N. Einsentadt and R. Lemarchand, 271–295. London: SAGE Publication.
- Graziano, L. 1973. Patron-client relationships in Southern Italy. *European Journal of Political Research* 1(1): 3–34. <https://doi.org/10.1111/j.1475-6765.1973.tb01281>
- Johnston, C.N. 2018. *Populism and patronage: Why populists win elections in India, Asia, and beyond*. Oxford: Oxford University Press.
- Jugah, I. and A. Puyok. 2021. Political patronage in election: Impacts of the coalition change in Malaysia's Federal Government on Sarawak's politics. The 8th International Conference on Public Policy and Social Science, Universiti Teknologi MARA Negeri Sembilan, Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia. 27 October.
- Kaufman, R.R. 1974. The patron-client concept and macro-politics: Prospects and problems. *Comparative Studies in Society and History* 16(3): 284–308.
- Kitschelt, H. and S. Wilkinson. 2007. Citizen—politician linkages: An introduction. In *Patrons, clients, and policies: Patterns of democratic accountability and political competition*, eds. H. Kitschelt and S. Wilkinson, 1–49. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kuo, D. 2018. *Clientelism, capitalism, and democracy: The rise of programmatic politics in the United States and Britain*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Landé, C.H. 1977. Introduction: The dyadic basis of clientelism. In *Friends, followers, and factions: A reader in political clientelism*, eds. S.W. Schmidt, J.C. Scott, C. Landé and L. Guasti, xiii–xxxvii. Los Angeles: University of California Press.
- Lawson, C. and K.F. Greene. 2014. Making clientelism work: How norms of reciprocity increase voter compliance. *Comparative Politics* 47(1): 61–77.
- Mahfudzah Mustafa. 1999. Women's political participation in Malaysia: The non-bumiputra's perspective, *Asian Journal of Women's Studies* 5(2): 9–46.
- Maznah Mohamad. 2018. Getting more women into politics under one-party dominance: Collaboration, clientelism, and coalition building in the determination of women's representation in Malaysia. *Southeast Asian Studies* 7(3): 415–447.
- Mersat, N.I. 2007. Demokrasi, politik patronej dan peribumi Iban di Sarawak. Siri prosiding kertas kerja seminar, Akademik Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam.
- \_\_\_\_\_. 2008. Politik penaungan dan partisipasi politik peribumi Iban di Sarawak. *FSS Working Paper*, No. 12. Faculty of Social Sciences, Universiti Malaysia Sarawak.
- \_\_\_\_\_. 2009. Blue waves versus political tsunami: Sarawak and the 2008 Malaysian General Election. *Akademika* 77: 113–132.

- Nadrawina Isnin. 2015. Political participation and gender: Political marginalization of women in Sarawak politics. Unpublished PhD diss., Universiti Malaysia Sarawak.
- Nadrawina Isnin and L. Sebli-Seidelson. 2017. Women in the electoral politics: A case study of the 2016 Sarawak State Legislative Assembly Election. The Third International Conference on Elections and Democracy, Grand Margherita Hotel, Kuching, Sarawak, Malaysia. 19–20 April.
- Okpe, V.V., Muhamad Fuad Othman and Nazariah Osman. 2021. An assessment into women political participation in Malaysia democratic governance. *Journal of Social Sciences and Humanities* 18(5): 21–36.
- Piattoni, S. 2001. *Clientelism, interests, and representation: The European experience in comparative perspective*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Piya Sukhani. 2020. Women's political representation: Progressing in Malaysia? *RSIS Commentary*, No. 9. <https://www.rsis.edu.sg/rsis-publication/idss/womens-political-representation-progressing-in-malaysia/> (accessed 6 June 2023).
- Powell, J.D. 1970. Peasant society and clientelist politics. *American Political Science Review* 64(2): 411–425.
- Roff, M.F. 1974. *The politics of belonging: Political change in Sabah and Sarawak*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Rosyidah Muhamad, Ummu Atiyah Ahmad Zakuan and Nazli Aziz. 2021. Peranan perwakilan substantif ahli parlimen wanita dalam Parlimen Malaysia. *Kajian Malaysia* (early view). [http://web.usm.my/km/earlyView/46\\_KM-OA-07-20-0134.R4.pdf](http://web.usm.my/km/earlyView/46_KM-OA-07-20-0134.R4.pdf) (accessed 4 April 2023).
- Schaffer, F.C. 2007. *Elections for sale: The causes and consequences of vote buying*. Boulder: Lynne Rienner.
- Scheiner, E. 2005. Democracy without competition in Japan: Opposition failure in a one-party dominant state. Cambridge: Cambridge University Press.
- Schmidt, W.S., J.C. Scott, C. Lande and L. Guasti. 1977. *Friends, followers, and factions: A reader in political clientelism*. Berkeley: University of California Press.
- Scott, J.C. 1972. Patron—client politics and political change in Southeast Asia. *American Political Science Review* 66: 91–113.
- \_\_\_\_\_. 1977. Patron-client politics and political change in southeast Asia. In *Friends, followers, and factions: A reader in political clientelism*, eds. S.W. Schmidt, J.C. Scott, C. Lande and L. Gusti, 123–146. Berkeley: University of California Press.
- Searle, P. 1983. *Politics in Sarawak, 1970–1976: The Iban perspective*. Singapore: Oxford University Press.
- Sebli-Seidelson, L. 2008. The origin of patron-clientship in Sarawak. *The Sarawak Museum Journal* 86(65): 213–242.
- Shadiya Mohamed S. Baqutayan and Rosesyafiqa Baiduri Abd Razak. 2022. Can women in Malaysia be a changemakers? Political involvement and decision-making. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 12(4): 92–104.
- Stokes, S. C. 2005. Perverse accountability: A formal model of machine politics with evidence from Argentina. *American Political Science Review* 99(3): 315–25.

- Stokes, S.C., T. Dunning, M. Nazareno and V. Brusco. 2013. *Brokers, voters, and clientelism: The puzzle of distributive politics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Theobald, R. 1999. So what really is the problem about corruption? *Third World Quarterly* 20(3): 491–502. <http://www.jstor.org/stable/3993317>.
- Wan Azizah. 2002. Women in politics: Reflections from Malaysia. International IDEA, 2002. <https://www.idea.int/sites/default/files/publications/chapters/women-in-parliament/perempuan-di-parlemen-bukan-sekedar-jumlah-EN-case-study-malaysia.pdf> (accessed 3 March 2023).